

UCAPAN

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH
BINTI WAN SULAIMAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULAN MEI 2013
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PADA 28 MEI 2013**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih saudara pengacara majlis dan pembaca doa. Semoga doa kita pada pagi ini dimakbulkan oleh Allah s.w.t. jua, insya Allah. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu yang penuh bersemangat termasuk lagu **Malaysia Berjaya** sebentar tadi.

YBhg. Dato' Rosini binti Abd Samad, TAN (K), YBrs. Puan Hawazain binti Shaari, TAN (O), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat, izin dan kurniaNya, dapat kita sekali lagi berkumpul pada pagi ini dalam perhimpunan bulan Mei tahun 2013.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat merayakan Pesta Kaamatan dan Gawai bagi warga JANM dari Sabah, W.P Labuan dan Sarawak yang merayakannya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

AMANAT KSN SEMASA PERJUMPAAN DENGAN KSU DAN KETUA PERKHIDMATAN PADA 9 MEI 2013

PRU 13 telah selamat dilaksanakan mengikut proses demokrasi perlembagaan negara pada 5 Mei 2013. Sekarang adalah masa untuk kita sama-sama terus membangunkan negara (*nation building*) menuju Wawasan 2020, ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Untuk itu:

- i) Semua pegawai awam harus sedar tentang keperluan bersikap berkecuali dan menyokong Kerajaan yang memerintah serta menerima keputusan PRU 13 dengan minda dan hati terbuka.
- iii) Pegawai-pegawai awam haruslah melaksanakan tugas dengan mengamalkan CTI & PKI. *Service mode* perkhidmatan awam telah berubah ke arah "To Search & Rescue" dan lebih "people friendly".
- iv) Pegawai-pegawai awam juga diingatkan untuk tidak menyertai dan menghadiri perhimpunan-perhimpunan haram yang dianjurkan oleh pihak yang tidak dapat menerima keputusan PRU13. Pegawai-pegawai yang didapati menghadiri perhimpunan-perhimpunan sebegini, boleh dikenakan tindakan tatatertib.

- v) Selari dengan usaha kita menambahbaik mutu perkhidmatan, dan membudayakan Nilai Bersama Jabatan, semua warga JANM haruslah mematuhi peraturan sedia ada tentang waktu sarapan dan waktu rehat. Oleh itu, semua warga JANM adalah diingatkan untuk tidak berada di kantin/luar untuk bersarapan selepas jam 8.30 pagi. Warga JANM juga diingatkan untuk mematuhi waktu rehat (makan tengahari) dan berada di pejabat semula sebelum jam 2 petang. *(Tiada tea-time: tidak boleh keluar minum selepas waktu sarapan atau selepas waktu rehat tengahari)*

MAJLIS KICK OFF PEMBANGUNAN SISTEM 1GFMS

Pada 10 Mei 2013 yang lalu, majlis Kick-Off Projek Pembangunan Sistem 1GFMS telah diadakan. Majlis yang dimulakan dengan solat hajat dan bacaan yaasin, telah disempurnakan perasmianya oleh YBhg. Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Majlis Kick-Off ini diadakan selepas genap dua tahun YAB Perdana Menteri meluluskan Projek Pelaksanaan Perakaunan Akruan pada 11 Mei 2011 di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SRI-PFR. Ia menunjukkan perjalanan kita untuk merealisasikan agenda transformasi Negara semakin mencabar.

Tempoh masa yang diberi untuk pelaksanaan 1GFMS secara serentak di semua Pejabat Perakaunan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada 1 Januari 2015 nyata terlalu singkat, apatah lagi untuk membangunkan sesebuah sistem perakaunan untuk Kerajaan Persekutuan.

Namun saya yakin, dengan pelaksanaan program "change management" yang berterusan menggunakan pendekatan "see, feel & change" merentasi semua Jabatan dan Kementerian disokong dengan usaha gigih kita semua, semangat kerja berpasukan, keyakinan pada diri serta sentiasa berdoa kepada Allah, in sha Allah kita boleh melakukannya. **JANM Boleh!!**

PESTA SUKAN PERBENDAHARAAN 2013

Pesta Sukan Perbendaharaan 2013 (PSP 2013) sedang berlangsung dengan Kontinjen JANM mengambil bahagian di dalam kesemua 16 acara yang dipertandingkan.

Upacara perasmian akan diadakan pada 1 Jun 2013, jam 8 malam dan akan disempurnakan oleh YB Dato' Seri Ahmad Husni bin Muhamad Hanadzlah, Menteri Kewangan II, manakala upacara penutup pula akan disempurnakan oleh YB Datuk Ahmad bin Maslan, Timbalan Menteri Kewangan pada 2 Jun 2013, jam 3 petang. Kedua-dua acara akan diadakan di INSPEN II. Marilah kita bersama-sama hadir bagi memberi sokongan kepada para atlit yang mengambil bahagian mewakili JANM dan memeriahkan Pesta Sukan Perbendaharaan 2013.

Kepada semua atlit JANM, bertandinglah dengan bersungguh-sungguh dan dengan penuh semangat kesukanan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada atlit-atlit JANM yang telah mengambil bahagian kerana saya dimaklumkan bahawa sehingga semalam (27 Mei 2013), iaitu selepas 7 acara dipertandingkan, JANM sedang mendahului pasukan lain yang menyertai PSP 2013, walaupun dengan perbezaan mata yang sangat tipis. Tahniah diucapkan. Semoga JANM akan dapat memenangi semula takhta kejuaraan PSP seperti pada tahun-tahun sebelum 2012. **AG TAK BOLEH KALAH..!!**

PENUTUP DAN SALAM TAKZIAH

Sebentar nanti kita akan ada acara pelancaran buku *Excellent Accounting @ Your Service*, lanyard serta screen saver baru JANM.

Sebelum mengkahiri ucapan saya pada pagi ini, dengan penuh rasa dukacita, saya ingin memaklumkan bahawa pada 7 Mei 2013 yang lalu, mantan Akauntan Negara Malaysia, Allahyarham Dato' Shamsir bin Omar telah kembali ke rahmatullah di kediaman Allahyarham di Taman Desa Seputeh, Kuala Lumpur. Allahyarham merupakan Akauntan Negara Malaysia yang pertama dilantik dari kalangan anak tempatan. JANM amat menyanjung tinggi serta menghargai sumbangan dan jasa Allahyarham kepada Jabatan dan Negara, terutamanya dalam pembangunan profesion perakaunan, sepanjang tempoh perkhidmatan Allahyarham iaitu dari tahun 1967 hingga 1989.

Sebelum itu, pada 24 April 2013 yang lalu, JANM juga telah kehilangan seorang Akauntan W48, iaitu Cik Jamatiah binti Mostal, dari JANM Negeri Johor. Allahyarhamah meninggal dunia di Hospital Sultanah Aminah, Johor Baharu akibat komplikasi kesihatan.

Bagi pihak seluruh warga Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan takziah kepada ahli keluarga Allahyarham Dato' Shamsir bin Omar dan Allahyarhamah Cik Jamatiah binti Mostal. Semoga roh mereka ditempatkan bersama mereka yang beriman dan beramal soleh. Amin.

Marilah kita sama-sama menghadiahkan surah Al-Fatihah kepada Allahyarham dan Allahyarhamah. Al-Fatihah.

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.